

IDENTIFIKASI *SIDR* DALAM NAS BERDASARKAN PERINCIAN TURATH DAN KESINAMBUNGANNYA DENGAN DATA BOTANI KONTEMPORARI^(*)

*(The Identification of Sidr in Islamic Scripture Based on Elaboration of
Turath and its Compatibility with Contemporary Data in Botany)*

Thuraya Ahmad¹

ABSTRACT

Topics related to plants in Islamic scripture have gained considerable attention in scholarly discussions. The *sidr* plant is among those that have received particular attention in studies in Southeast Asia. However, the explanations put forward in these studies do not fully correspond to *sidr* as described in the Arabic books of antiquity (ABA). To address this, this study aims to present an identification of *sidr* mentioned in the Holy Quran and authentic hadith. The *sidr* that constitutes the focus of this study is related to worldly life, instead of the Hereafter, which is among divine transcendental subjects. Methodologically, this study employs a qualitative approach using library research to collect data from ABA sources as well as from authoritative contemporary botanical data. The collected data is then interpreted through content analysis to identify *sidr*. The findings show that the *sidr* discussed in scriptures refers to two West Asian lote trees bearing the binomial nomenclatures *Ziziphus spina-christi* and *Ziziphus nummularia*. Whereas other plants that closely resemble them are classified as *unnāb* based on the original usage of the Arabic language. This study recommends referring to ABA sources in order to accurately identify the plants mentioned in the Quranic text and hadith. Furthermore, the integration of botanical scientific data with information from ABA can reinforce knowledge about these plants. Accordingly, a correct identification of *sidr* within the texts can be obtained. Based on the accurate knowledge of the meaning of *sidr*, any intended research,

^(*) This article was submitted on: 18/09/2025 and accepted for publication on: 18/11/2025.

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
E-mel: thuraya@usm.my (Penulis Koresponden)

discourse, product advertising, and ideas that incorporate this plant into a Quranic botanical garden will not be tainted by factual inaccuracies.

Keywords: *Identification, Compatibility, Botanical Data, Information Of Antiquity, Islamic Scripture, Quranic Botany, Sidr.*

ABSTRAK

Topik berkaitan tumbuhan dalam nas mendapat perhatian yang memberangsangkan dalam kupasan ilmiah. Tumbuhan *sidr* adalah antara yang mendapat tempat dalam kajian di Asia Tenggara. Bagaimanapun, penjelasan yang dikemukakan dalam kajian-kajian tersebut tidak benar-benar menepati *sidr* sebagaimana dijelaskan dalam sumber turath berbahasa Arab (TBA). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengemukakan identifikasi *sidr* yang disebut dalam nas al-Quran dan hadith berstatus *maqbul*. *Sidr* yang menjadi fokus kajian hanyalah yang berkaitan dengan kehidupan dunia. Adapun *sidr* akhirat, ia adalah perkara ghaib yang tidak relevan untuk ditentukan identifikasinya. Bagi tujuan tersebut, kajian ini memilih pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan bagi pengumpulan data daripada sumber TBA serta data botani kontemporari yang berautoriti. Seterusnya data yang dikumpul diimbas menggunakan analisis kandungan untuk mengenalpasti identifikasi *sidr*, berdasarkan ciri-cirinya dalam sumber TBA yang disokong dengan data botani. Hasilnya, kajian mengenalpasti *sidr* yang dimaksudkan ialah dua bidara Asia Barat dengan tatanama binomial *Ziziphus spina-christi* dan *Ziziphus nummularia*. Adapun jenis tumbuhan lain yang hampir menyerupainya, ia dikira sebagai *'unnāb* berdasarkan penggunaan asal bahasa Arab. Kajian ini menyarankan perujukan kepada sumber TBA bagi mengenalpasti tumbuhan sebenar yang dimaksudkan dalam nas al-Quran dan hadith. Seterusnya, kesinambungan data sains botani dengan maklumat TBA dapat menyokong maklumat tumbuhan tersebut. Oleh yang demikian, identifikasi *sidr* sebagaimana yang dimaksudkan dapat dikemukakan. Bersandarkan kefahaman yang tepat tentang maksud *sidr*, sebarang penyelidikan, wacana, pengiklanan produk dan idea menyertakan tumbuhan ini dalam taman botani al-Quran tidak akan berbaur dengan kesilapan fakta.

Kata Kunci: *Identifikasi, Kesinambungan, Data Botani, Maklumat Turath, Nas, Botani Al-Quran, Sidr.*

1. PENGENALAN

Tumbuh-tumbuhan mendapat tempat dalam nas al-Quran dan hadith memandangkan peranannya yang signifikan dalam kehidupan manusia. Individu penutur bahasa Arab akan mudah menemui penyebutan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dalam nas. Manakala bagi individu yang tidak menguasai bahasa tersebut, penyebutannya dapat diketahui melalui teks terjemahan bagi nas. Hakikatnya, nama tumbuh-tumbuhan dalam nas dari sudut kejelasan identifikasinya dapat dibahagikan kepada dua iaitu, tumbuhan yang mudah dikenali dan tumbuhan yang sukar dikenali. Tumbuhan dalam nas akan tergolong dalam jenis yang sukar dikenali bilamana namanya dikira sebagai *gharib al-alfāz*. Ia merupakan perbendaharaan kata dalam nas yang dikira asing, sudah tidak digunakan oleh generasi selepas zaman Nabi SAW. atau skop maksud perkataannya sudah berlainan (Ibn al-Ṣalāḥ al-Shahrāzūrī, 1981). Berbeza dengan tumbuh-tumbuhan yang mudah dikenali, ia tidak menjadi masalah kepada pembaca disebabkan namanya yang disebut dalam nas tidak berubah, apatah lagi jika penggunaannya terus meluas sehingga kini.

Identifikasi nama tumbuhan dalam kategori *gharib al-alfāz* kebiasaannya mencabar bagi penyelidik kontemporari untuk mengenalinya. Namun mereka juga mempunyai kemungkinan untuk memberi identifikasi yang silap bagi tumbuh-tumbuhan yang mudah dikenali. Tumbuhan *sidr* dalam nas al-Quran dan hadith mungkin dipandang sebagai tumbuhan yang mudah dikenali. Namun, terdapat banyak penyelidikan dalam bahasa Melayu yang mengemukakan spesies *Ziziphus mauritiana* sebagai *sidr* yang dimaksudkan dalam al-Quran dan hadith. Sedangkan ciri-ciri spesies ini tidak selari dengan maklumat tentang *sidr* sebagaimana yang dinyatakan dalam sumber TBA. Antara penyelidikan terkini berkaitannya telah dihasilkan oleh Tg Abdul Rahman et al. (2020). Kajian ini menyebut bahawa spesies *Ziziphus mauritiana* adalah bidara yang disebut dalam al-Quran. Demikian juga, ia disebut dalam hadith sebagai tumbuhan yang digunakan untuk pemandian jenazah. Kajian ini didapati tidak merujuk sumber TBA, justeru menjadi punca kekeliruan. Penamaan bidara dalam bahasa Melayu bagi beberapa jenis tumbuhan di bawah keluarga besar tumbuh-tumbuhan *Rhamnaceae* menyebabkan penyelidikan seumpama ini turut merangkumkan tumbuhan yang tidak berkaitan sebagai *sidr*. Oleh yang demikian, kajian ini berinisiatif untuk memberi pencerahan tentang identifikasi *sidr* yang disebut dalam al-Quran dan hadith yang Allah SWT kurniakan untuk kehidupan dunia.

Memandangkan negara Qatar telah membina sebuah taman bernama Quranic Botanic Garden (QBC) yang mempamerkan tumbuh-tumbuhan yang

disebut dalam nas al-Quran dan hadith, kajian ini membuat tinjauan tentang maklumat *sidr* dalam laman sesawangnya. QBC merupakan sebuah taman botani terulung di dunia yang bertemakan nas Islam (Quranic Botanic Garden, 2025a). Bagi maklumat tumbuhan *sidr*, Quranic Botanic Garden (2025b) mendatangkan kesemua empat ayat al-Quran serta satu hadith yang menyebut nama tumbuhan tersebut. Ia meletakkan hanya satu tatanama binomial bagi *sidr* iaitu, *Ziziphus spina-christi*. Maklumat Quranic Botanic Garden (QBC) tentang *sidr* ternyata tidak lengkap biarpun tumbuhan tersebut adalah daripada warisan budaya Tanah Arab. Penulisan atau kajian tentang nas menuntut perujukan utama kepada sumber TBA yang lengkap agar dapat menjana satu kefahaman yang tepat dan jelas. Demikian juga dengan identifikasi tumbuh-tumbuhan dalam nas, maklumat yang dapat memberi pencerahan tentangnya ialah sumber TBA yang berkaitan dengannya.

2. KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang tumbuh-tumbuhan dalam nas al-Quran dan hadith sememangnya mendapat tempat dalam bidang penyelidikan. Tidak hairanlah banyak penulisan telah dihasilkan berkaitan dengannya. Sebagai contoh, sebuah penyelidikan berjudul “Plants Mentioned in the Islamic Scriptures (Holy Qur`ân and Ahadith): Traditional Uses and Medicinal Importance in Contemporary Times” oleh El-Seedi et al. (2019). Penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti tumbuh-tumbuhan ubatan al-Quran dan hadith yang dikompilasikan antara tahun 700 – 1500 Masihi untuk dibandingkan dengan penggunaan perubatan tradisional dan melihat nilai perubatannya berdasarkan penyelidikan moden. Seterusnya, kajian dapat menilai sumbangan ilmuwan Islam dalam kemajuan sains terutamanya bidang perubatan. Kajian ini menyebut sejumlah tumbuh-tumbuhan yang disebut dalam al-Quran dan hadith tanpa menyebut tatanama binomial antaranya ialah lote-tree, yang mana dipercayai dimaksudkan kepada *sidr*. Cuma nama lote-tree dalam bahasa Inggeris tidak khusus kepada tumbuhan *sidr* sahaja memandangkan terdapat jenis-jenis lain juga yang berkongsi nama yang sama (Farooqi, 2011).

Manakala penyelidikan yang menumpukan kepada *sidr* sahaja berjudul “Sidr dalam al-Qur`an dan Manfaatnya Bagi Kesehatan” oleh Fiki Kusumah Dewi (2021). Penyelidikan ini memilih untuk berfokus kepada *sidr* memandangkan pengetahuan masyarakat tentangnya sangat terhad. Ia memilih pendekatan tafsir tematik bercorak ilmi. Bersesuaian dengan kajian yang hanya meneliti *sidr* dalam al-Quran, maka penyelidikan ini dapat mengenalpasti identifikasi *sidr* yang mempunyai tatanama binomial *Ziziphus spina-christi*. Bagaimanapun, penyelidikan ini meluaskan perbincangan kepada bidara laut 1

(*Strychnos ligustrina*), bidara laut 2 (tidak dinyatakan tatanama binomial), bidara upas (*Merremia mammosa*), bidara *sidr* (*Ziziphus spina-christi*), bidara putsa (*Ziziphus mauritiana*) dan bidara China (*Ziziphus jujuba*). Cuma terdapat beberapa tatanama binomial yang sudah dikira *synonym* atau lama kerana ia telah diganti dengan yang baru diterima. Tatanama binomial baharu melibatkan bidara laut 1 iaitu *Strychnos lucida* (Royal Botanic Gardens Kew, 2025c) dan bidara upas iaitu *Decalobanthus mammosus* (Royal Botanic Gardens Kew, 2025a). Perbincangan yang keluar daripada fokus kepada *sidr* kelihatannya terbawa-bawa dengan penamaan bidara di Nusantara kepada beberapa jenis tumbuhan, tanpa mengambikira latar belakang budaya dan penamaan Arab yang membezakan antara *sidr* dan tumbuhan lain. Penyelidikan ini tidak mempunyai sumber TBA yang mencukupi untuk menjejaki identifikasi *sidr* dalam al-Quran. Pengetahuan kajian tentang jenis bidara Arab diambil dari kajian kontemporari yang dirujuk, bukan berdasarkan analisis dan kupasan sendiri untuk meneroka maklumat dalam TBA.

Dengan yang demikian adalah penting untuk mengenali identifikasi sebenar bagi *sidr* yang disebut dalam al-Quran dan hadith berdasarkan khazanah maklumat yang terdapat dalam sumber TBA. Selain itu, perlu diserlahkan perbezaan antara *sidr* dan tumbuhan lain yang hampir menyerupainya.

3. REKA BENTUK PENYELIDIKAN DAN METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang berfokus kepada *sidr* dalam nas, yang Allah SWT kurniakan di dunia. Adapun *sidr* alam akhirat, ia adalah termasuk dalam perkara ghaib yang tidak relevan untuk dikaji identifikasinya. Pengumpulan data tentang *sidr* tersebut diusahakan dengan menjalankan kajian kepustakaan yang merujuk kepada sumber induk, al-Quran al-Karim dan hadith bertaraf *maqbul* daripada *al-Kutub al-Sittah* (Enam Kitab Hadith). Hadith bertaraf *maqbul* dimaksudkan sebagai periwayatan yang berstatus sahih dan hasan sahaja. Kajian memilih *al-Kutub al-Sittah* memandangkan ia adalah kitab-kitab kompilasi hadith yang diiktiraf oleh ulama hadith sebagai paling autentik. Naskhah *al-Kutub al-Sittah* yang menjadi rujukan kajian ini ialah naskhah penerbitan bersumberkan teks asal berbahasa Arab. Penyuntingannya diketuai oleh *Ṣāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh* untuk diterbitkan dalam satu jilid menggabungkan enam kitab hadith utama yang dikenali sebagai “*al-Kutub al-Sittah*”. Naskhah ini diterbitkan oleh Darussalam yang bertempat di Riyadh pada tahun 2008. Naskhah ini dipilih memandangkan ia dihasilkan berdasarkan penyuntingan yang bermutu tinggi.

Pengumpulan data seterusnya didapatkan daripada sumber-sumber lain sebagai sokongan dan kupasan lanjut yang merupakan kitab-kitab turath

berbahasa Arab (TBA) berkaitan *sidr* dan maklumat botani kontemporari daripada pangkalan data yang berautoriti. Kitab turath yang dimaksudkan ialah sumber silam sebagai warisan pemikiran dan keilmuan lampau yang ditulis dalam bahasa Arab dan yang dapat diakses pada zaman moden (Neelwafurat, 2025). Bagi menjelaskan identifikasi *sidr*, kajian ini berinisiatif untuk memulakan perujukan kepada karya genre tafsir al-Quran, buku kompilasi hadith (*kutub al-ḥadīth*), buku penjelasan hadith (*kutub al-shurūḥ al-ḥadīthiyyah*), kamus konvensional (*al-ma'ājim*), sumber fiqh (*fiqh*), geografi (*al-jughrāfiyā*), botani (*al-nabāt*), dan farmakologi (*al-ṣaydalāh*).

Selain daripada sumber TBA yang telah disebut, kajian ini juga merujuk sumber kontemporari daripada data botani untuk melihat kesinambungannya dengan maklumat warisan Arab silam, seterusnya dapat mengenalpasti identifikasi yang tepat untuk tumbuhan tersebut. Bidang botani ialah satu cabang ilmu biologi yang mengkaji tentang tumbuh-tumbuhan yang mencakupi aspek; fisiologi, struktur, genetik, ekologi, taburan tempat tumbuh, pengelasan dan kepentingan ekonomi seiring dengan kehidupan tumbuhan di sesuatu kawasan tertentu, habitat, serta tempoh geologi (iMedPub LTD, 2025). Maklumat bidang botani kontemporari boleh didapati dalam beberapa pangkalan data elektronik. Pangkalan data botani yang ternama dan paling lengkap ialah Royal Botanic Gardens Kew atau Kew Gardens yang bertempat di United Kingdom. Kajian ini mengutamakan data badan ilmiah tersebut yang telah bertapak dalam bidang botani sejak tahun 1759 lagi untuk berbakti menjaga kepelbagaian tumbuhan dan ekonomi botani. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, ia mempunyai laman web yang boleh diakses secara percuma (UNESCO, 2025; Royal Botanic Gardens Kew, 2025b).

Kemudian, bagi mengolah data yang dikumpul, kajian ini memilih pendekatan analisis kandungan untuk mengetahui maklumat tentang perkataan *sidr* berkaitan kehidupan dunia dalam al-Quran dan hadith berstatus *maqbūl* daripada *al-Kutub al-Sittah*. Seterusnya analisis perbandingan dapat dijalankan untuk mencari kesinambungan maklumat ciri-ciri *sidr* dalam sumber TBA tersebut dengan data botani kontemporari yang berautoriti. Pendekatan perbandingan juga dapat dibuat dengan membandingkan antara dapatan kajian berdasarkan maklumat TBA dan dakwaan lain bagi identifikasi *sidr*. Dengan yang demikian, objektif bagi kajian ini dapat disasarkan.

4. PERBINCANGAN

4.1 Nas al-Quran dan Hadith Tentang Sidr Dalam Kehidupan Dunia

Tumbuhan *sidr* mendapat tempat dalam nas Islam dan merupakan kurniaan Allah SWT yang tidak asing bagi persekitaran masyarakat Arab. Adakalanya ia disebut dalam bentuk kata nama mufrad, *sidrah*. Penyebutan nama tumbuhan ini terdapat pada empat ayat dalam al-Quran al-Karim. Antaranya hanya satu ayat tentang *sidr* yang Allah SWT ciptakan untuk kehidupan dunia. Tumbuhan ini juga banyak disebut dalam hadith, antaranya empat hadith *maqbul* dalam *al-Kutub al-Sittah*.

4.1.1 Nas al-Quran

Sidr adalah pohon istimewa berada di persekitaran komuniti yang diberi kelebihan dapat mendengar ayat al-Quran seawal zaman wahyu. Allah SWT membawa perkara dan perumpamaan yang tidak asing bagi generasi pertama umat Nabi Muhammad SAW yang mendiami Semenanjung Tanah Arab. Hatta kisah umat terdahulu untuk dijadikan pengajaran bukanlah kaum yang asing daripada warisan nenek moyang mereka. Berkaitan dengan *sidr* yang Allah SWT kurniakan untuk kehidupan dunia, terdapat ayat yang menceritakan kisah silam, iaitu firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ ۖ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ
وَاشْكُرُوا لَهُ ۚ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ۚ فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ
بِجَنَّاتِهِمْ جَنَّاتٍ ذَوَاتٍ أَكْثَلٍ خَمْطٍ وَأَثَلٍ وَمَشْيٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (penempatan mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah daripada rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun". Seterusnya mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan buah pohon kayu sugi, pohon tamarisk, serta pohon *sidr* yang sedikit.

Surah Saba': 15 - 16

Ayat ini menceritakan tentang kisah kerajaan *Saba'* di Yaman yang rakyatnya mendapat nikmat pemberian rezeki dan hasil pertanian yang mewah.

Allah SWT telah mengutuskan rasul-rasulnya kepada mereka untuk menikmati pemberian rezeki dengan disertai rasa kesyukuran dengan mengesakanNya dan menunaikan ibadat. Demikianlah mereka akur dengan perintah Allah SWT sehingga tiba saatnya mereka berpaling. Lalu mereka ditimpa balasan banjir akibat Empangan Ma'rib yang mereka bina akhirnya pecah dan binasa. Setelah tragedi tersebut, keadaan tempat tersebut berubah. Sudah tiada lagi nikmat buah-buahan yang bermutu tinggi, pemandangan yang cantik dan sungai-sungai yang mengalir. Pohon *sidr* yang tumbuh sudah tidak seperti dahulu. Allah SWT menukarnya menjadi tanah yang ditumbuhi pohon kayu sugi, pohon tamarisk dan *sidr* yang mempunyai banyak duri dan menghasilkan buah yang sedikit (Ibn Kathīr al-Dimashqī, 2014). Penafsiran kisah dalam ayat ini memberi maklumat bahawa *sidr* adalah pohon yang tumbuh di Ma'rib. Pohonnya juga boleh berbeza dari segi kuantiti duri padanya sama ada sedikit atau banyak. Penyebutan tumbuh-tumbuhan dalam al-Quran kebiasaannya sinonim dengan manfaatnya kepada manusia dan makhluk lain. Penyebutan *sidr* dalam ayat ini menjurus kepada penggunaan buahnya, sama ada sebelum tragedi Empangan Ma'rib yang melimpahkan buah yang bermutu atau selepas tragedi yang bertukar kepada buah yang kurang dari segi kuantiti dan kualiti.

4.1.2 Nas Hadith

Sebagaimana ayat al-Quran mempunyai petunjuk tentang ciri-ciri *sidr*, demikian juga dengan hadith-hadith. Terdapat empat hadith yang menyebut secara langsung *sidr* atau *sidrah* yang dikurniakan dalam kehidupan dunia.

- (1) Hadith sahih yang diriwayatkan oleh *Umm 'Aṭiyyat al-Anṣāriyyah RA*, yang mana beliau menceritakan:

دَحَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حِينَ تُؤَفِّيْتُ ابْنَتَهُ فَقَالَ: "اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتَ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْأَخِرَةِ كَأُفُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَأُفُورٍ. فَإِذَا فَرَعْتُ فَاذْنِي". فَلَمَّا فَرَعْنَا آذَنَاهُ فَأَعْطَانَا حِقْوَهُ فَقَالَ: "أَشْعِرْهَا إِيَّاهُ"، تَعْنِي إِزَارَهُ²

² al-Bukhārī, M. I. (2008). al-Ṣaḥīḥ. Dalam Āl al-Shaykh, S. 'A. et al. (Ed.), *Mawsū'at al-ḥadīth al-sharīf: al-Kutub al-sittah*. Darussalam. (Kitāb: al-Jana'iz, Bāb: Ghushl al-mayyit wa wuḍū'ih bi al-mā' wa al-sidr, no. 1253; Bāb: Mā yustaḥabb 'an yughsal witrā, no. 1254), hlmn. 98 (Bāb: Yuj'al al-kāfir fī al-akhīrah, no. 1258; Bāb: Kayf al-ish'ār li al-mayyit, no. 1261; Bāb: Yulqā sha'r al-mar'at khalfahā, no. 1263) hlmn. 98; al-Naysābūrī, M. Ḥ. (2008). 'al-Ṣaḥīḥ'. Dalam Āl al-Shaykh, S. 'A. et al. (Ed.).

Maksudnya: *Nabi SAW telah mendatangi kami Ketika anak perempuannya meninggal dunia, lalu berkata: "Mandikanlah dia tiga, lima atau lebih jika kamu mendapatinya wajar, menggunakan campuran air dan (daun) sidr. Jadikanlah yang terakhir menggunakan kapur atau sedikit kapur. Bila kamu telah selesai memandikan, maka hendaklah kamu memberitahuku". Bila telah selesai kami memberitahunya, lantas beliau memberi kepada kami sehelai sarungnya dan berkata: "Jadikan ia sebagai lapisan dalam (bagi jenazah)". Beliau memaksudkan supaya menggunakan sarungnya.*

Kewafatan puteri Nabi berlaku di Madinah. Hadith *Umm 'Atiyyat al-'Anṣāriyyah RA* menunjukkan kepentingan daun *sidr* dalam komuniti Rasulullah SAW di sana sebagai bahan pembersih untuk memandikan jenazah. Daunnya dikoyakkan dan dihancurkan di dalam air untuk mengeluarkan buih. Buih inilah yang digunakan sebagai bahan mandian untuk membersihkan rambut dan diletakkan pada cebisan kain untuk membersihkan bahagian badan jenazah yang lain. Hadith ini menjadi dalil bahawa penggunaannya disunatkan untuk tujuan tersebut. (Ibn Baṭṭāl, 2015; al-Mushayqī, 1409H). Penggunaannya yang sedemikian memerlukan daun segar yang boleh didapati di persekitaran mereka dan bukan daun yang dikeringkan. Namun bagi penempatan yang tiada daun *sidr*, bahan lain juga boleh digunakan. Sebagai contoh terdapat komuniti yang menggunakan sama ada galian natron, herba mallow atau herba anabasis untuk tujuan yang sama (al-'Azīm Ābādī, 1995; al-Qanūjī, 2008).

- (2) Hadith sahih yang diriwayatkan daripada *Ā'ishah RA*, beliau menceritakan:

أَنَّ أَسْمَاءَ سَأَلَتِ النَّبِيَّ ﷺ عَنْ غُسْلِ الْمَحِيضِ فَقَالَ: "تَأْخُذُ إِحْدَاكُنَّ مَاءَهَا وَسِدْرَهَا فَتَطَهَّرُ فَتُحْسِنُ الطُّهُورَ ثُمَّ تَصُبُّ عَلَى رَأْسِهَا فَتَدْلُكُهَا ذَلِكَ شَدِيدًا حَتَّى تَبْلُغَ شُؤُونَ رَأْسِهَا ثُمَّ تَصُبُّ عَلَيْهَا الْمَاءَ ثُمَّ تَأْخُذُ فِرْصَةً مُمَسَّكَةً فَتَطَهَّرُ بِهَا". فَقَالَتْ أَسْمَاءُ: "وَكَيْفَ تَطَهَّرُ بِهَا؟" فَقَالَ: "سُبْحَانَ اللَّهِ؛ تَطَهَّرِينَ بِهَا". فَقَالَتْ عَائِشَةُ: كَأَنَّهُا تُخْفِي ذَلِكَ تَتَّبَعِينَ أَثَرِ الدَّمِ، وَسَلَّاتُهُ عَنْ غُسْلِ الْجَنَائَةِ. فَقَالَ: "تَأْخُذُ مَاءً فَتَطَهَّرُ فَتُحْسِنُ الطُّهُورَ أَوْ تُبْلِغُ الطُّهُورَ ثُمَّ تَصُبُّ عَلَى رَأْسِهَا فَتَدْلُكُهَا حَتَّى تَبْلُغَ شُؤُونَ رَأْسِهَا ثُمَّ

تُفِيضُ عَلَيْهَا الْمَاءَ". فَقَالَتْ عَائِشَةُ: "نِعَمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَكُنْ يَمْنَعُهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ".³

Maksudnya: *Bahawasanya Asmā' (bint Shakal) pernah bertanya Nabi SAW tentang cara bersuci setelah tamat tempoh haid. Lalu beliau menjawab: "Seseorang wanita boleh menyediakan air dan (daun) sidr untuk bersuci dengan sebaik-baiknya. Kemudian beliau menjirus air ke atas kepala dan menyental betul-betul sehingga sampai ke kulit kepala. Seterusnya, dia menggunakan gumpalan gentian yang dicalit wangian kasturi untuk memastikan kebersihan (tempat yang keluar darah). Asmā' lantas bertanya: "Bagaimana memastikan kebersihan nya?" Beliau (SAW dengan terkejut) berkata: "SubhānalLāh, kamu (pasti tahu) memastikan kebersihannya". 'Ā'ishah menjelaskan: (Asmā') sepertinya tidak memahami maksud (Rasulullah SAW) ialah "(gunakan gumpalan tersebut untuk) menghilangkan baunya. Dia seterusnya bertanya tentang mandi bagi mengangkat hadas besar", lalu beliau menjawab: "Seseorang wanita mengambil air untuk berwuduk dengan sebaik-baiknya, kemudian dia menjirus kepala dan menyental hingga sampai ke kulit kepala. Hendaklah dia memastikan air membasahi semua tubuhnya". 'Ā'ishah menyatakan (pandangannya): Sebaik-baik wanita adalah daripada kalangan al-Anṣār. Perasaan malu tidak menghalang mereka untuk mendalami ilmu agama.*

Penyebutan *sidr* dalam hadith 'Ā'ishah RA menunjukkan bahawa ia digunakan sebagai bahan mandian yang membersihkan. Daun *sidr* bukan sahaja digunakan untuk memandikan jenazah, bahkan bermanfaat untuk menjaga kebersihan bagi mereka yang masih hidup. Cerita ini yang berlatar belakangkan kebersamaan 'Ā'ishah RA dengan Rasulullah SAW serta wanita Anṣār yang datang bertanya jelas menunjukkan ia berlaku di Madinah.

(3) Hadith sahih yang diriwayatkan daripada *Anas ibn Mālik RA*:

³ al-Naysābūrī. (2008). (Kitāb: al-Ḥayḍ, Bāb: Istihbāb isti'māl al-mughṭasilat min al-ḥayḍ firṣat min misk fi mawḍi' al-dam, no. 750), hlmn. 732.

"أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ دَخَلَ حَائِطًا وَتَبِعَهُ غُلَامٌ مَعَهُ مِیْضَةٌ هُوَ أَصْغَرُنَا
فَوَضَعَهَا عِنْدَ سِدْرٍ فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حَاجَتَهُ فَخَرَجَ عَلَيْنَا وَقَدْ اسْتَنْجَى
بِالْمَاءِ".⁴

Maksudnya: "Bahawasanya Rasulullah SAW pernah memasuki kawasan perkebunan bersama seorang budak lelaki yang membawa bekas wuduk. Dia adalah yang paling kecil dalam kalangan kami. Dia meletakkan bekas wuduk tersebut berdekatan dengan sebatang pohon sidr. Justeru Rasulullah SAW membuang air di situ dan beliau datang kepada kami setelah bersuci menggunakan air".

Hadith ini berlatarbelakangkan kawasan perkebunan yang di dalamnya terdapat pohon *sidr* merimbun yang sesuai untuk dijadikan tempat membuang air. Keberadaan *Anas RA* sebagai warga muda kalangan sahabat Nabi serta lokasi kawasan perkebunan adalah sinonim dengan Madinah (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2010; al-Ḥamawī, 1995). Pohon *sidr* yang tumbuh dalam kawasan perkebunan menandakan ia adalah jenis yang tumbuh di tempat yang mempunyai sumber air yang mencukupi.

- (4) Hadith hasan yang diriwayatkan oleh ‘*Abdullāh ibn Ḥubshī RA* daripada Nabi SAW:

"مَنْ قَطَعَ سِدْرَةَ صَوَّبَ اللَّهُ رَأْسَهُ فِي النَّارِ".⁵

Maksudnya: "Sesiapa yang memotong sepohon *sidr*, Allah akan tempatkan kepalanya dalam neraka".

Setelah menyebut hadith ini, al-Sijistānī (2008) menjelaskan bahawa matan hadith ini kelihatannya ringkas. Maknanya yang terperinci dimaksudkan kepada seseorang yang memotong atau menebang pohon *sidr* di padang pasir tanpa tujuan yang wajar. Perbuatannya yang sedemikian adalah perkara sia-sia dan zalim, menyebabkan orang bermusafir dan haiwan tidak dapat berteduh di bawah rimbunan pohon *sidr*. Penjelasan al-Sijistānī yang sedemikian dipersetujui oleh sebilangan ulama (al- ‘Azīm Ābādī, 1995). Berbeza dengan *sidr* yang disebut

⁴ Ibid. (Kitāb: al-Ṭahāra, Bāb: al-Istinjā` bi al-mā` min al-tabarruz, no. 619), hlmn. 724.

⁵ Al-Sijistānī, S. A. (2008). al-Sunan. In Āl al-Shaykh, Ṣ.‘A. et al. (Ed.), *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Darussalam. (Kitāb: al-Adab, Bāb: Fī qat’ al-sidr, no. 5239), hlmn. 1606.

dalam hadith-hadith sebelumnya, jenis ini adalah daripada pokok liar yang dapat hidup dalam cuaca kontang di tengah padang pasir.

Berdasarkan petunjuk nas-nas al-Quran dan hadith di atas, kajian ini dapat mengumpul maklumat tentang ciri-ciri *sidr* bahawa ia adalah tumbuhan kawasan Ma'rib dan Madinah. Selain itu terdapat juga pohon-pohon *sidr* yang tumbuh secara liar di padang pasir Tanah Arab. Pohonnya yang rimbun sesuai dijadikan tempat untuk membuang air. Ia juga boleh menjadi tempat berteduh terutama bagi orang bermusafir dan haiwan. Daunnya digunakan sebagai bahan mandian untuk kebersihan diri serta untuk pemandian jenazah, dan buahnya pula boleh dimakan.

4.2 Ciri-ciri Sidr Dalam Sumber Turath

Bagi mengetahui maklumat seterusnya tentang *sidr* dalam nas al-Quran dan hadith yang telah dipaparkan, adalah penting untuk merujuk sumber-sumber TBA yang memberikan penjelasan. Terlebih dahulu, kajian ini meninjau penyebutannya dalam syair Arab yang memberi pencerahan tentang *sidr* dalam persekitaran mereka. Terdapat satu baris syair oleh *Dhū al-Rummah* yang menyebut:

ضُرُوبُ السِّدْرِ عُثْرِيًّا وَضَلَا

فَقَطَعْتُ إِذَا تَجَوَّعَتِ الْعَوَاطِي

(Abū Ḥanīfat al-Dīnawarī, 1973)

Maksudnya: *Aku telah merentasi kawasan-kawasan bilamana sekelian antelop telah menerobosi (bawah teduhan pokok) pelbagai jenis sidr 'ubri dan dāll*

Dhū al-Rummah merupakan penyair pada zaman Bani Umayyah. Nama sebenar beliau ialah *Ghaylān ibn 'Uqbat ibn Bahīs*. Beliau merupakan seorang guru dalam masyarakat Badwi dan selalu mendatangi al-Yamamah dan Basrah. *Dhū al-Rummah* juga didapati mendatangi *Bādiyat al-Iraq*, iaitu penempatan padang pasir di sebelah barat Iraq. Akhirnya beliau meninggal dunia di Isfahan (al-Dhahabī, 2001; al-Marzubānī, 1995; Ibn Qutaybat al-Dīnawarī, 1423H). Oleh kerana beliau banyak mengembara antara Semenanjung Tanah Arab dan Iraq yang kemudiannya berakhir di tanah Parsi bernama Isfahan, maka beliau dapat menggambarkan alam semulajadi kawasan yang beliau rentasi. Antaranya baris syair di atas yang memaparkan dua jenis *sidr* dalam persekitaran pengembaraannya yang menjadi tempat berteduh bagi haiwan antelop serta manusia. Berkenaan dengan maklumat lanjut tentang *sidr*, Abū Ḥanīfat al-Dīnawarī (1973) merujuk kepada ilmuan botani silam, *Abū Abdillāh Muḥammad*

Ibn Ziyād. Beliau menyatakan bahawa terdapat dua jenis *sidr* iaitu *‘ubri* dan *ḍāll*. Jenis yang pertama adalah *sidr* yang kebiasaannya tidak berduri, dan jika berduri pun ia tidak menyulitkan manusia. Ia berbeza dengan jenis kedua yang kesemuanya berduri. Daun *sidr* berbentuk lebar tetapi membujur dan pohonnya boleh dijadikan tempat berteduh. Terdapat sebuah tempat di Semenanjung Tanah Arab yang al-Bukhārī (2008) percaya ia dinamakan sempena nama pokok *sidr* liar ini. Nama tempat itu disebut dalam sebuah periwayatan oleh *Abū Hurayrah RA*, yang mana beliau menceritakan kepada *Sa’id ibn al-‘Āṣ RA*:

بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَبَانَ عَلَى سَرِيَّةٍ مِنَ الْمَدِينَةِ قَبْلَ نَجْدٍ، قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: فَقَدِمَ أَبَانٌ وَأَصْحَابُهُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ بِعَدَمَا افْتَتَحَهَا، وَإِنَّ حُرْمَ حَيْلِهِمْ لَكَيْفٌ، قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: قُلْتُ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَا تَقْسِمُ لَهُمْ". قَالَ أَبَانٌ: "وَأَنْتَ يَهْدَا يَا وَبُرُّ، تَحْدَرُ مِنْ رَأْسِ ضَالٍّ"، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "يَا أَبَانُ اجْلِسْ"، فَلَمْ يَقْسِمْ لَهُمْ.⁶

Maksudnya: *Rasulullah SAW telah mengutuskan Abān (ibn Sa’id) dalam satu pasukan brigid daripada Madinah menuju ke arah Najd. Abū Hurayrah menyambung: Seterusnya, Abān dan rakan-rakannya mendatangi Nabi SAW di Khaybar setelah kejayaan pembukaannya. Pada waktu itu tali kudanya diperbuat daripada gentian pelepah kurma. Abū Hurayrah pun berkata: “Wahai Rasulullah, engkau (semestinya) tidak membahagikan (rampasan perang) kepada mereka”. Abān pun berkata (kepada Abū Hurayrah): “Engkau yang berkata demikian, wahai haiwan hyrax, turun daripada Ra’s Ḍāll”. Lantas Nabi SAW pun berkata: “Wahai Abān, silakan duduk”. (Nabi SAW) tidak membahagikan (harta rampasan perang) kepada mereka.*

Ra’s Ḍāll adalah nama tempat di wilayah Doos yang merupakan tempat asal *Abū Hurayrah RA*. Makna *Ra’s* ialah laluan di celah pergunungan, manakala *Ḍāll* ialah pohon *sidr* liar. Terdapat perselisihan pendapat tentang nama tempat ini. Ada yang menyebutnya *Ra’s Ḍān*, *Ra’s Ḍa’n*, *Qadūm Ḍa’n*, *Qadūm Ḍān* dan *Qadūm Ḍān*. Bagaimanapun, periwayatan *Ibn al-Sakan al-Qābisī*, *al-Hamadhānī* dan *al-Mustamlī* menyebutnya sebagai *Ra’s Ḍāll*. *al-Ḥarbī* pula menjelaskan bahawa *Ḍāll* sebenarnya nama bukit di pinggir laluan orang bermusafir yang merentasi Doos (al-Ḥamawī, 1995; al-Aynī, 2009) Berkemungkinan pohon *sidr ḍāll* banyak tumbuh di laluan tersebut, maka dinamakan bersempena dengannya. *Abān ibn Sa’id RA* menyebut ungkapan mengandungi nama tempat tersebut sebagai mengingatkan *Abū Hurayrah RA* bahawa beliau bukan orang tempatan

⁶ al-Bukhārī, 2008. (Kitāb: al-Maghāzī, Bāb: Ghazwat Khaybar, no. 4239), hlmn. 347.

Hijaz sehingga wajar memberi pandangan bagi menentukan individu yang layak mendapat harta rampasan perang.

Berbeza dengan jenis *ḍāll*, *‘ubri* adalah jenis *sidr* kampung yang tumbuh di penempatan manusia yang ada sumber air. Daunnya digunakan sebagai bahan pembersihan dan buahnya yang masak berwarna kuning dan boleh dimakan. Terdapat pada suatu masa dahulu sebuah penempatan bernama *Hajr* di Tanah Arab yang menghasilkan buah terbaik yang paling manis dan harum semerbak baunya. (Ibn Manẓūr, 2003; Ibn Sīnā, 1999). *Hajr* ialah nama lama bagi sebuah penempatan yang terletak di bahagian timur laut Semenanjung Tanah Arab (al-Ḥamawī, 1995).

Manakala *ḍāll* pula ialah jenis liar yang mana masyarakat Arab tidak memanfaatkan buahnya yang kecil dan dikira tidak enak. Daunnya pula tidak digunakan sebagai bahan mandian dan pembersihan, tetapi boleh digunakan sebagai makanan ternakan. Pokok *sidr* menyerupai pokok *‘unnāb* yang juga berduri dan mempunyai bentuk daun yang lebih kurang sama. Cuma buah *sidr* kampung bila ranum bertukar menjadi berwarna kuning, manakala buah *sidr* liar dan buah *‘unnāb* bertukar menjadi merah. Masyarakat Arab menamakan buah yang dihasilkan oleh pokok *sidr* sebagai *nabq* (Ibn Manẓūr, 2003; Ibn al-Bayṭār al-Andalusī, 2001). Pokok *‘unnāb* pula dikenali sebagai antara jenis bidara di Nusantara, yang mana kajian ini akan menjelaskan pada subtopik 4.4.

Berdasarkan perujukan kepada sumber TBA, kajian ini mendapat maklumat lanjut tentang ciri-ciri *sidr*. Masyarakat Arab membahagikannya kepada dua jenis iaitu *‘ubri* dan *ḍāll*. Jenis yang pertama tumbuh di tempat yang mempunyai sumber air dan ia disifatkan sebagai tidak berduri dan jika berduri pun ia tidak begitu menyulitkan. Daunnya pula boleh digunakan sebagai bahan mandian yang membersihkan. Manakala jenis yang kedua tumbuh liar di padang pasir dan berduri. Kedua-duanya adalah pohon rendang yang boleh dijadikan tempat berteduh bagi manusia dan haiwan. Buah dari jenis yang pertama bila masak berwarna kuning dan boleh dimakan. Berbeza dengan buah dari jenis yang kedua bila masak berwarna merah tetapi tidak digemari oleh masyarakat Arab. Kawasan yang dapat difahami sebagai antara tempat tumbuh *sidr ‘ubri* atau *sidr* kampung ialah Ma`rib, Madinah, timur laut Semenanjung Tanah Arab, Al-Yamamah, *Bādiyat al-‘Irāq*, Basrah dan Isfahan. Manakala antara tempat tumbuh *sidr ḍāll* atau *sidr* liar ialah Doos, Al-Yamamah, *Bādiyat al-‘Irāq*, Basrah dan Isfahan. Meninjau pula kepada tumbuhan yang dinamakan *‘unnāb*, ia adalah jenis yang berlainan dan tidak dikira sebagai *sidr* walaupun mempunyai persamaan dari segi tumbuhan renek yang rendang dan berduri, serta bentuk daun yang lebar dan membujur sedikit.

4.3 Ciri-ciri Sidr Dalam Data Botani Kontemporari

Berdasarkan perujukan kepada nas berkaitan *sidr* serta sumber TBA yang memerincikan ciri-cirinya, kajian ini mendapat maklumat lanjut tentang tumbuhan tersebut. Ia terbahagi kepada *sidr* biasa dan *sidr* liar. Jenis yang pertama tumbuh di tempat yang mempunyai sumber air. Pokoknya ada yang berduri dan tidak berduri. Daunnya boleh digunakan sebagai bahan pembersih. Manakala jenis yang kedua tumbuh liar di padang pasir dan berduri. Daunnya tidak boleh digunakan sebagai pembersih. Buah dari jenis yang pertama bila masak berwarna kuning dan boleh dimakan. Manakala buah dari jenis yang kedua bila masak berwarna merah tetapi tidak digemari oleh masyarakat Arab. Kedua-duanya adalah pohon rendang yang boleh dijadikan tempat berteduh bagi manusia dan haiwan. Kawasan yang dapat difahami sebagai antara tempat tumbuh *sidr* ialah Ma'rib, Madinah, Hajar, al-Yamamah, *Bādiyat al-'Irāq*, Basrah dan Isfahan. Perbezaannya cuma di Ma'rib berdasarkan kisah kaum *Saba'* dalam ayat al-Quran, *sidr* di sana menampakkan ciri pohon yang tumbuh untuk menghasilkan buah. Oleh yang demikian *sidr* liar tidak berkaitan sebagai tumbuhan asal di Ma'rib. Bagi melengkapkan maklumat, kajian ini mendapatkan maklumat botani kontemporari tentang kedua-dua jenis *sidr*.

4.3.1 Sidr Kampung

Ciri-cirinya sebagaimana dikenalpasti daripada sumber TBA ialah; pokok saka sederhana tinggi dan rendang, tumbuh di tempat yang ada sumber air, daun berbentuk lebar membujur, buah masak berwarna kuning, dan didapati tumbuh di Ma'rib, Madinah, timur laut Semenanjung Tanah Arab, Al-Yamamah, *Bādiyat al-'Irāq*, Basrah dan Isfahan. Dengan yang demikian, ia menepati spesis *Ziziphus spina-christi* (Rojas-Sandoval, 2017; Royal Botanic Gardens Kew, 2025). Data botani menyifatkan spesis ini sebagai tumbuhan yang hidup ditempat yang ada sumber air dan tidak kontang sebagaimana di paparkan pada Gambar 1.

Gambar 1

Foto pokok daripada spesies Ziziphus spina-christi di tempat yang ada sumber air.



Sumber: KKL-JNF , t.t.

Duri spesies *Ziziphus spina-christi* adalah kecil dan terdapat juga yang tidak berduri (Majallat al-Jazīrah, 2004). Bentuk rantingnya, bentuk daun dan warna buah yang ranum dapat dilihat sebagaimana dipaparkan pada Gambar 2 di bawah.

Gambar 2

Foto bahagian pokok daripada spesies Ziziphus spina-christi yang menampakkan ciri-ciri ranting, daun dan buah yang masak.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025l.

Gambar 2 di atas memaparkan ranting spesies *Ziziphus jujuba* yang tidak begitu ketara berduri, bentuk daun yang melebar dan membujur, serta warna kuning buahnya yang sedang masak. Manakala taburan tanah asal bagi

Ziziphus spina-christi adalah meliputi kawasan sebagaimana dalam Peta 1 yang berikut.

Peta 1

Taburan spesies Ziziphus spina-christi yang mencakupi tanah asal serta tanah diperkenalkan.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025l.

Peta 1 di atas memaparkan taburan tanah asal bagi *Ziziphus spina-christi* yang meliputi sebahagian kecil Asia Selatan, sebahagian Afrika, sebahagian besar Asia Barat dan pulau Cyprus. Antara tempat yang tergolong sebagai tanah asalnya ialah Ma'rib, Madinah, al-Yamamah, *Bādiyat al-Irāq*, Basrah dan Isfahan sebagaimana yang dapat dikesan daripada sumber TBA.

4.3.2 Sidr Liar

Ciri-ciri *sidr* liar berdasarkan sumber TBA ialah; pokok saka sederhana tinggi yang rendang, tumbuh di kawasan kontang, daun berbentuk lebar membujur, buah masak berwarna merah, dan didapati tumbuh di Doos, Al-Yamamah, *Bādiyat al-Irāq*, Basrah dan Isfahan. Dengan yang demikian, ia menepati spesies *Ziziphus nummularia* (Rojas-Sandoval, 2017; Royal Botanic Gardens Kew, 2025). Data botani menyifatkan ia sebagai tumbuhan yang tumbuh di tempat kontang sebagaimana di paparkan pada Gambar 3.

Gambar 3

Foto pokok daripada spesies Ziziphus nummularia yang tumbuh di kawasan kontang.



Sumber: Purdue University, 2017.

Gambar 3 di atas memaparkan pokok daripada spesies *Ziziphus nummularia* yang boleh tumbuh dan hidup di kawasan kontang. Ia adalah pokok yang sederhana tinggi dan rendang. Data botani juga menyifatkan bentuk ranting, daun dan warna buahnya yang ranum sebagaimana dipaparkan pada Gambar 4 di bawah.

Gambar 4

Foto bahagian pokok daripada spesies Ziziphus nummularia.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025k.

Gambar 4 di atas menampakkan ciri-ciri ranting *Ziziphus nummularia* yang berduri, bentuk daun yang lebar dan membujur serta buahnya yang masak

berwarna merah. Manakala taburan tanah asal bagi *Ziziphus nummularia* adalah sebagaimana dalam Peta 2 yang berikut.

Peta 2

Taburan tanah asal bagi spesies Ziziphus nummularia.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025j.

Peta 2 di atas memaparkan taburan tanah asal bagi *Ziziphus nummularia* yang meliputi sebahagian besar Asia Barat dan Asia Selatan. Antara tempat yang tergolong sebagai tanah asalnya ialah Doos, Al-Yamamah, *Bādiyat al-Iraq*, Basrah dan Isfahan sebagaimana yang dapat dikesan daripada sumber TBA. Merujuk kepada QBC, ia tidak menyebut tatanama binomial ini bagi tumbuhan *sidr*.

4.4 'Unnāb

'Unnāb, ialah penamaan bagi sekumpulan jenis pokok yang menyerupai *sidr*. Semua jenis pokok 'unnāb adalah berduri (Ibn al-Wardī, 2022). Ibn Sina (1999) menyebut bahawa wilayah Gorgan menghasilkan buah 'unnāb yang paling besar, enak dan lebih merah warnanya berbanding dengan tempat lain. Beliau juga merujuk kata-kata Galen yang tidak begitu memberi penilaian tinggi kepada khasiat pokok 'unnāb. Claudius Clarissimus Galen (129 – 200 SM) ialah seorang tokoh perubatan tamadun Greek yang menetap di Pergamum atau dikenali sekarang dengan nama Bergama di Turki (Shoja et al., 2015). Dengan yang demikian sumber TBA dapat membuktikan bahawa 'unnāb terdapat di Gorgan dan Bergama. Bagi spesies 'unnāb berasal daripada Gorgan, data botani menyifatkan bentuk ranting, daun dan warna buahnya yang ranum sebagaimana dipaparkan pada Gambar 5 di bawah.

Gambar 5

Foto himpunan bahagian pokok daripada spesies *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* yang menampilkan ciri-ciri ranting, daun dan buah yang masak.




Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025d.

Berdasarkan Gambar 5 di atas, dapat dilihat ranting spesies *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* yang berduri, bentuk daunnya yang lebar dan membujur serta warna buah ranumnya yang merah. Manakala taburan tanah asal bagi spesies ini adalah sebagaimana dalam Peta 3 di bawah.

Peta 3

Taburan spesies *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* yang mencakupi tanah asal serta tanah yang diperkenalkan.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025i.

Berdasarkan Peta 3 di atas dapat dikenalpasti taburan tanah asal bagi *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* adalah meliputi sebahagian kecil Asia Barat,

sebahagian besar Afrika dan Asia Selatan, bahagian selatan China, Indo-china dan Semenanjung Malaysia. Sebagaimana tertera, wilayah Gorgan adalah termasuk dalam tanah asal bagi *'unnāb* daripada spesis ini. Demikian juga dengan Semenanjung Malaysia yang mana penduduknya menamakan pokoknya sebagai bidara. Menariknya tentang buah bagi spesis *Ziziphus mauritiana* ini, terdapat sebahagian yang menamakannya sebagai 'Malay apple' dalam bahasa Inggeris (Mishra et al., 2011). Penamaannya seolah-olah menunjukkan kewujudan dan penggunaannya yang signifikan dalam kalangan masyarakat Melayu. Bidara ini bukanlah tumbuhan *sidr* daripada spesis asal Semenanjung Tanah Arab sebagaimana dapat dikenalpasti melalui paparan Peta 3. Memandangkan ia juga adalah tumbuhan Tanah Parsi dan Afrika, tidak hairanlah jika masyarakat Arab silam turut mengenalnya disebabkan interaksi mereka dengan dunia luar terutama wilayah yang berjiran. Tumbuhan tersebut di sisi mereka adalah *'unnāb* dan bukan *sidr*. Manakala *'unnāb* wilayah Bergama yang menjadi penempatan Galen, berkemungkinan besar ia adalah daripada spesis *Ziziphus lotus*. Data botani menyifatkan bentuk pokok, ranting, daun serta buah sebagaimana dipaparkan dalam Gambar 6 di bawah.

Gambar 6

Foto bahagian pokok daripada spesis Ziziphus lotus yang menampakkan ciri-ciri pokok, daun dan buah.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025g.

Gambar 6 memperlihatkan ciri-ciri *Ziziphus lotus* sebagaimana umumnya pokok genus *Ziziphus* lain yang renek serta rimbun dengan ranting yang berduri dan bentuk daun yang lebar tetapi membujur. Warna buah spesis *Ziziphus lotus* pula adalah hijau dan memerah apabila semakin ranum. Seterusnya, Peta 5 di bawah memaparkan taburan tanah asalnya.

Peta 5

Taburan tanah asal spesies Ziziphus lotus.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025h.

Berdasarkan Peta 5, dapat dikenaltasi bahawa Afrika Utara, sebahagian kecil Asia Barat dan sebahagian kecil Eropah adalah tanah asal bagi spesies *Ziziphus lotus*. Bergama adalah antara tanah asal bagi tumbuhan ini. Sebagaimana jelas daripada peta di atas, ia bukan tumbuhan sebahagian besar Semenanjung Tanah Arab. Selain spesies *unnāb* dengan tatanama binomial *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* dan *Ziziphus lotus*, terdapat juga spesies *Ziziphus jujuba* yang tumbuh sebagai pokok yang diperkenalkan di Gorgan dan Bergama. Data botani memaparkan sifat pokok, ranting, daun dan buah sebagaimana dipaparkan pada Gambar 7 di bawah.

Gambar 7

Foto bahagian pokok daripada spesies Ziziphus jujuba yang menampakkan ciri-ciri pokok, ranting, daun dan buah.




Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025e.

Gambar 7 memperlihatkan ciri-ciri *Ziziphus jujuba* sebagaimana pokok genus *Ziziphus* lain yang renek dan rimbun dengan ranting berduri, serta bentuk daun lebar tetapi membujur. Warna buah spesies *Ziziphus jujuba* menjadi merah apabila sudah ranum. Seterusnya, taburan bagi spesies ini dapat dilihat pada Peta 5 di bawah.

Peta 5

Taburan spesies *Ziziphus jujuba*.



Sumber: Royal Botanic Gardens Kew, 2025f.

Berdasarkan Peta 5 di atas, dapat dikenalpasti bahawa jenis *'unnāb* ini adalah tumbuhan asal Korea dan sebahagian besar negara China. Spesies *Ziziphus jujuba* ini turut tumbuh di Bergama dan Gorgan sebagai kategori tanah yang diperkenalkan dan bukan tanah asal. Ia didapati bukan tumbuhan Semenanjung Tanah Arab.

Kajian ini hanya menyebut tiga tatanama binomial bagi *'unnāb* yang disalahtafsirkan sebagai *sidr*. Hakikatnya, masih banyak lagi jenis-jenis *'unnāb*

yang lain berdasarkan maklumat Thulin (1999) yang menyebut bahawa genus *Ziziphus* mempunyai lebih kurang 85 spesis di bawahnya.

5. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan pengumpulan data dan analisis, kajian ini dapat mengumpul nas yang berkaitan dengan *sidr* yang dikurniakan Allah SWT untuk kehidupan dunia terdiri daripada 1 ayat al-Quran dan 4 buah hadith *maqbul*. Sekumpulan nas ini dapat memberi gambaran awal tentang *sidr* dari segi penggunaannya serta lokasi tempat tumbuh. Penerokaan seterusnya dalam sumber TBA memberi maklumat lanjut bahawa *sidr* yang digunakan dalam kehidupan dunia terbahagi kepada dua iaitu; *sidr 'ubri* dan *sidr dāll*, bermaksud *sidr* kampung dan *sidr* liar. Kedua-dua ciri *sidr* tersebut dapat dikenalpasti berdasarkan maklumat dalam nas serta sumber TBA yang memberi penjelasan lanjut. Ciri-ciri bagi *sidr* kampung dan *sidr* liar tersebut kemudiannya disokong oleh maklumat dalam data bidang botani kontemporari. Sebarang maklumat yang mengelirukan tentang *sidr* dapat diberikan pencerahan dengan membentangkan perbandingan. Spesis di bawah genus *Ziziphus* yang tidak memenuhi semua ciri-ciri sama ada *sidr* kampung atau *sidr* liar, ia adalah *'unnāb* dalam bahasa Arab lama. Bagi memudahkan penjelasan tentang identifikasinya, kajian ini merangka dapatannya dalam Jadual 1 yang berikut.

Jadual 1
Identifikasi sidr berdasarkan ciri-cirinya daripada sumber TBA dan kesinambungannya dengan data botani berautoriti bagi 4 spesis Ziziphus sebagai perbandingan.

Sidr kampung				
Ciri-cirinya dalam sumber TBA	Tatanama binomial daripada data botani berautoriti			
	<i>Ziziphus spina-christi</i>	<i>Ziziphus mauritiana</i> var. <i>mauritiana</i>	<i>Ziziphus lotus</i>	<i>Ziziphus jujuba</i>
Pohon saka yang rendah	√	√	√	√
Daunnya berbentuk lebar membujur	√	√	√	√
Buahnya yang masak berwarna kuning	√	x	x	x

Terdapat yang berduri dan tidak berduri	√	x	x	x
Antara tanah asalnya; Ma`rib, Madinah, timur laut Semenanjung Tanah Arab, Al-Yamamah, <i>Bādiyat al-ʿIrāq</i> , Basrah, Isfahan	√	x	x	x
Sidr liar				
Ciri-cirinya dalam sumber TBA	Tatanama binomial daripada data botani berautoriti			
	<i>Ziziphus nummularia</i>	<i>Ziziphus mauritiana</i> var. <i>mauritiana</i>	<i>Ziziphus lotus</i>	<i>Ziziphus jujuba</i>
Pohon saka yang rendang	√	√	√	√
Daunnya berbentuk lebar membujur	√	√	√	√
Buahnya yang masak berwarna merah	√	√	√	√
Berduri.	√	√	√	√
Antara tanah asalnya; Doos, Al-Yamamah, <i>Bādiyat al-ʿIrāq</i> , Basrah, Isfahan	√	x	x	x

Sumber: Hasil analisis.

Melihat kepada paparan Jadual 1, dapat diketahui bahawa antara *sidr* dan *ʿunnāb* terdapat persamaan dan perbezaan. Pertamanya pada ciri-ciri *sidr* kampung dalam sumber TBA. Ciri-cirinya yang pertama dan kedua iaitu; pokok saka yang rendang dan bentuk daunnya yang lebar membujur, kesemuanya ada pada spesies; *Ziziphus spina-christi*, *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana*, *Ziziphus lotus*, *Ziziphus jujuba*. Namun bagi ciri-ciri ketiga, keempat dan kelima, iaitu warna kuning buah yang masak, kepelbagaian dari segi berduri dan tidak berduri, serta tanah asalnya termasuk Ma`rib, Madinah, timur laut Semenanjung Tanah Arab, al-Yamamah, *Bādiyat al-ʿIrāq*, Basrah, Isfahan; hanya ada pada *Ziziphus spina-christi*, dan tiada pada tiga spesies daripada genus *Ziziphus* tersebut. Buah yang masak daripada tiga spesies tersebut adalah berwarna merah, dan pohonnya pula kesemuanya berduri. Berkenaan tanah asal pula, taburannya tidak

mencakupi semua tempat-tempat yang dibuktikan oleh sumber TBA. Walaupun *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* adalah tumbuhan asal di Isfahan, ia bukan spesies bagi tanah Ma`rib, Madinah, timur laut Semenanjung Tanah Arab, Al-Yamamah, *Bādiyat al-ʿIrāq* dan Basrah. *Ziziphus jujuba* pula cuma spesies yang diperkenalkan di tanah Isfahan dan Basrah. Oleh yang demikian, spesies yang menepati kesemua ciri-ciri *sidr* kampung ialah *Ziziphus spina-christi*.

Keduanya pada ciri-ciri *sidr* liar dalam sumber TBA. Ciri-cirinya yang pertama, kedua ketiga dan keempat iaitu; pokok saka yang rendang dan bentuk daunnya yang lebar membujur, buahnya masak berwarna merah dan pokoknya berduri; kesemuanya ada pada spesies; *Ziziphus nummularia*, *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana*, *Ziziphus lotus*, *Ziziphus jujuba*. Perbezaan hanyalah pada ciri tanah asal yang mencakupi Doos, al-Yamamah, *Bādiyat al-ʿIrāq*, Basrah, Isfahan. Walaupun *Ziziphus mauritiana* var. *mauritiana* adalah tumbuhan asal di Isfahan, ia bukan spesies bagi tanah Doos, al-Yamamah, *Bādiyat al-ʿIrāq* dan Basrah. *Ziziphus jujuba* pula cuma spesies yang diperkenalkan di Isfahan dan Basrah. Oleh yang demikian, spesies yang menepati kesemua ciri-ciri *sidr* liar ialah *Ziziphus nummularia*.

Dengan yang demikian, identifikasi bagi *sidr* yang disebut dalam nas bagi penggunaan di dunia ialah spesies *Ziziphus spina-christi* iaitu *sidr* kampung dan *Ziziphus nummularia* iaitu *sidr* liar. Adapun tumbuh-tumbuhan lain menyerupainya yang didakwa sebagai *sidr* tetapi tidak menepati kesemua ciri-ciri yang disebut dalam TBA, ia dikira sebagai *ʿunnāb*.

6. KESIMPULAN

Penentuan kontemporari bagi identifikasi tumbuh-tumbuhan dalam nas Islam didapati bukan hanya bermasalah bagi nama-nama asing dan arkaik, tetapi juga bagi nama yang pada zahirnya mudah dikenali. Bagi usaha mengenali tumbuh-tumbuhan dalam nas al-Quran dan hadith, perlu ditekankan perujukan kepada sumber TBA yang dapat memberi petunjuk. Perujukan semata-mata kepada enjin carian elektronik atau sumber Arab kontemporari tidak memadai untuk membantu memahami teks silam mereka. Apatah lagi jika dunia Arab moden sudah tidak cakna untuk menguasai perbendaharaan warisan tersebut. Tamadun Islam silam telah meninggalkan warisan berharga bukan sahaja dalam pengajian Usuluddin dan Syariah, bahkan dalam bidang botani, bahasa, farmakologi, geografi dan sebagainya. Mengenenipkan kekayaan ilmu pengetahuan sebegini sangat merugikan. Apatah lagi jika ia menyumbang kepada kefahaman maksud dalam nas atau dapat meluaskan skop pengetahuan. Maklumat tumbuhan

daripada sumber TBA ini kemudiannya hendaklah disokong oleh data botani kontemporari yang berautoriti, bukan dengan sebarang enjin carian elektronik.

Sehingga kini, data elektronik dalam bidang botani yang paling lengkap dan autentik hanya dibangunkan di negara bukan Islam. Data botani yang paling ulung dalam kalangan negara Islam pun belum mempunyai maklumat lengkap yang wajar tentang tumbuh-tumbuhan yang disebut dalam nas. Satu usaha yang serius perlu dibangunkan untuk mengumpul data botani sedunia yang lengkap, apatah lagi tumbuh-tumbuhan mendapat penghargaan yang tinggi dalam nas al-Quran dan hadith. Aplikasi kecerdasan buatan juga diharapkan akan mendapat sokongan maklumat yang mantap daripada data botani yang didirikan oleh ilmuwan Islam.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat sokongan dan kemudahan yang disediakan oleh Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Imam Bukhari International Scientific-Research Center Samarkand di Uzbekistan, serta Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

RUJUKAN

- Abū Ḥanīfat al-Dīnawarī, A. D. (1973). *Kitāb al-Nabāt*. Institut français d'archéologie orientale.
- al- 'Aẓīm Ābādī, M. S. (1995). *'Awn al-Ma'būd*. (Vol. 8). Dar al-Fikr.
- al-'Aynī, M. A. (2009). *'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 'Umar, 'A. M. M. (Ed.). (Vol. 17). Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, M. I. (2008). al-Ṣaḥīḥ. Dalam Āl al-Shaykh, S. 'A et al. (Ed.), *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Darussalam. 1-670.
- al-Dhahabī, M. A. 'U. (2001). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. (Vol. 5). Mu'assasat al-Risālah.
- al-Ḥamawī, Y. 'A. (1995). *Mu'jam al-Buldān*. Dār Ṣādir.
- al-Marzubānī, M. 'I. M. (1995). *al-Muwashshaḥ fī Ma'Akhidh al-'ulamā' 'alā al-Shu'arā'*. Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- al-Mushayqī, K. 'A. M. (1409H). *al-Mukhtaṣar fī Fiqh al-'Ibādāt*. Wizārat al-Awqāf al-Sa'ūdiyyah.
- al-Naysābūrī, M. Ḥ. (2008). 'al-Ṣaḥīḥ'. Dalam Āl al-Shaykh, S. 'A. et al. (Ed.). *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Darussalam.
- al-Qanūjī, Ṣ. Ḥ. (2008). *'Awn al-Bārī li Hall Adillat Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (Vol. 2). Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

al-Quran al-Karim.

al-Sijistānī, S. A. (2008). al-Sunan. Dalam, Āl al-Shaykh, Ş.‘A. et al. (Ed.), *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Darussalam.

El-Seedi, H. R., Khalifa, S. A. .M., Yosri, N., Khatib, A., Chen, L., Saeed, A., Efferth, T. & Verpoorte, R. (2019). Plants Mentioned in the Islamic Scriptures (Holy Qur`ān and Ahadith): Traditional Uses and Medicinal Importance in Contemporary Times. *Journal of Ethnopharmacology*.

Farooqi, M. I. H. (2011). Cedar or Lote-tree in The Light of al-Quran- A Scientific Study. *Plants of The Quran*. Sidrah Publisher.

Fiki Kusumah Dewi. (2021). *Sidr dalam al-Qur`an dan Manfaatnya Bagi Kesehatan*. Skripsi Sarjana Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau, Indonesia.

Ibn al-Bayṭār al-Andalusī, ‘A. A. (2001). *al-Jāmi’ li Mufradāt al-Adwiyat wa al-Aghdhiyah*. Dar al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Ṣalāḥ al-Shahrazūrī, ‘U. ‘A. (1981). *‘Ulūm al-Hadīth*. ‘Itr, Nūr al-Dīn (Ed.). al-Maktabat al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Wardī, S. (2022). *‘Ajā‘ib al-Nabātāt wa al-Fawākih wa al-Hayawānāt*. Islamicbook.

Ibn Baṭṭāl, ‘A. K. ‘A. (2015). *Sharḥ Ibn Baṭṭāl*. ‘Aṭā, Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir (Ed.). (Vol. 3). Dar al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, A. ‘A. (2010). *al-Iṣābat fī Tamyiz al-Saḥāba*. ‘Abd al-Mawjūd, ‘A. A. & Mu‘awwad, ‘A. M. (Ed.). (Vol. 1). Dar al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Ibn Kathīr al-Dimashqī, I. (2014). *Tafsīr al-Qur`ān al-‘Azīm*. al-Bāz, Anwar. (Ed.). (Vol. 5). Dar Shurūq li al-Nashr wa al-Tawzī’.

Ibn Manẓūr, M. M. (2003). *Lisān al-‘Arab*. Dar al Hadith.

Ibn Qutaybat al-Dīnawarī, ‘A. M. (1423H). *al-Shi‘r wa al-Shu‘arā’*. (Vol. 1). Dar al Hadith.

Ibn Sīnā, Ḥ. ‘A. (1999). *al-Qānūn fī al-Tibb*. (Vol. 1). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

iMedPub LTD, (2025). *Botanical sciences*. URL: <https://www.imedpub.com/scholarly/botanical-sciences-journals-articles-ppts-list.php>

KKL-JNF. (t.t.). *APRIL: Christ's Thorn Jujube - Shezaf matsuy* - שיזף מצוי. URL: <https://kkl-jnf.org/forestry-and-ecology/tress-in-kkl-jnf-forests/israel-tree-of-the-month/april-christs-thorn-jujube/>

Majallat al-Jazīrah. (2004). *Min al-nabātāt al-mu‘ammirah: al-Sidr shajar ‘azīm al-qadr*. URL: www.al-jazirah.com

Mishra, T., Paice, A. G. & Bhatia, A. (2011). Use of seeds of Malay apple (*Ziziphus mauritiana*) and related species in health and disease. *Nuts and*

- seeds in health and disease prevention*. pp. 733-739. DOI: 10.1016/b978-0-12-375688-6.10087-8
- Neelwafurat. (2025). *Maktabat fi jaybik: Fi maṣādir al-turāth al-ʿArabī*. URL: <https://www.neelwafurat.com/itempage.aspx?id=lbb127439-87568&search=books#:~:text=>
- Purdue University. (2017). *Ziziphus nummularia*. URL: https://www.purdue.edu/hla/sites/famine-foods/famine_food/zizyphus-nummularia/
- Quranic Botanic Garden. (2025a). *About us*. URL: <https://qbg.org.qa/about-us/>
- Quranic Botanic Garden. (2025b). *Our plants: Christ thorn*. URL: <https://qbg.org.qa/plants/christ-thorn/>
- Rojas-Sandoval, J. (2017). *Ziziphus spina-christi (Christ's thorn jujube)*. CABI Compendium. DOI: 10.1079/cabicompendium.57569
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025a). *Merremia mammosa*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:60448480-2>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025b). *Our future is botany*. URL: www.kew.org
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025c). *Strychnos ligustrina*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:547278-1>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025d). *Ziziphus jujuba*. URL: <https://powo.science.kew.org/results?q=ziziphus+jujuba>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025e). *Ziziphus jujuba: All images*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:719213-1/images>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025f). *Ziziphus jujuba: Distribution*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:719213-1>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025g). *Ziziphus lotus: All images*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:719341-1/images>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025h). *Ziziphus lotus: Distribution*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:719341-1>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025i). *Ziziphus mauritiana var. mauritiana*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:77225453-1>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025j). *Ziziphus nummularia*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:20010326-1>
- Royal Botanic Gardens Kew. (2025k). *Ziziphus nummularia: Images*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:20010326-1/images>

- Royal Botanic Gardens Kew. (2025l). *Ziziphus spina-christi*. URL: <https://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:719427-1>
- Shoja, M. M., Tubbs, R. S., Ghabili, K., Griessenauer, C. J., Wood Balch, M. & Cuceu, M. (2015). The Roman Empire legacy of Galen (129–200 AD). *Childs nervous system*. 31, 1–5 Springer. DOI: 10.1007/s00381-014-2467-7
- Tg Abdul Rahman, T. A. F., Abd Aziz, N. A., Idris, K. & Shariman, N. Q. (2020). Research on Bidara (*Ziziphus Mauritiana*): Kajian Bibliometrik. *Sains insani*. 5(1).
- Thulin, M. (1999). *Rhamnaceae Flora of Somalia*. 2: 150-156. URL: <https://openherbarium.org/taxa/index.php?tid=70661&clid=29&pid=1&taxauthid=1>
- UNESCO. (2025). *Royal Botanic Gardens, Kew*. URL: whc.unesco.org